



## SYARAT-SYARAT PERMIT IKLAN BELON

### 1. Syarat-Syarat

- 1.1 Visual hendaklah mengutamakan penggunaan Bahasa Malaysia samada dari segi saiz, warna dan kedudukannya.
- 1.2 Visual yang mengiklankan minuman keras, rokok, gambar yang menjolok mata, tata kelakuan yang kurang sopan/lucah, petunjuk arah tidak dibenarkan.
- 1.3 Lokasi pemasangan sesuai dan mendapat kelulusan dari Jabatan Penerbangan Awam (JPA).
- 1.4 JPA telah menetapkan 100 kaki ketinggian dari tanah atau atas bangunan dan garis pusat belon tidak melebihi 6 meter.
- 1.5 Tempoh kelulusan adalah tertakluk kepada kelulusan Jabatan Penerbangan Awam.
- 1.6 Mewajibkan penggunaan **pelekat 'stiker'** yang dikeluarkan oleh Majlis Daerah Kuala Langat pada setiap iklan.
- 1.7 Belon tersebut bolehlah dilayangkan pada waktu siang dan malam serta ditambat dengan kukuh supaya tidak terlepas. Penggunaan tali raffia **tidak dibenarkan**.
- 1.8 Pemohon akan dipertanggungjawabkan atas kejadian yang berpunca daripada kenaikan belon tersebut.
- 1.9 Pemohon hendaklah menurunkan iklan belon sebaik sahaja tamat tempoh lesen.
- 1.10 Majlis Daerah Kuala Langat berhak membatalkan lesen iklan belon, menurunkan dan mengenakan tindakan undang-undang sekiranya melanggar syarat-syarat pelesenan atau menerima bantahan / aduan dari orang awam.

## LAMPIRAN 10

1.11 Semua kelulusan pemasangan iklan belon tertakluk kepada peruntukan-peruntukan dan Undang-Undang Kecil Iklan (MDKL) 2007 dan pindaannya.

1.12 Fee atau jumlah bayaran yang ditetapkan seperti berikut :-

- Bayaran fee : **RM 100.00 / bulan / setiap iklan**
- Stiker : **RM 3.50 / setiap satu**
- Cagaran : **RM 200.00 / setiap iklan**

1.13 Permit yang diluluskan adalah bagi **tempoh satu (1) bulan** sahaja. Pemohon perlu memperbaharui kelulusan permit 3 hari sebelum tamat tempoh kelulusan terdahulu.

1.14 Pengusaha akan tertakluk kepada Undang-Undang Kecil Pelesenan dan mematuhi syarat-syarat Majlis dari masa ke semasa.

1.15 Permit ini boleh ditarik semula jika didapati syarat permit dilanggar / jika difikirkan perlu demi menjaga kepentingan awam oleh MDKL.

### **PERINGATAN**

**\*\*Segala arahan daripada Yang Dipertua atau mana-mana pegawai Majlis ini yang diberi kuasa hendaklah dipatuhi dari masa ke semasa.**

Disediakan Oleh :

Jabatan Pelesenan dan Kesihatan Persekutaran  
Majlis Daerah Kuala Langat

## **LAMPIRAN 10**